

# Negara Islam

## Jaminan Kebebasan Beragama dalam Hukum Islam

Makalah ini “menerangkan soal kemerdekaan beragama dalam hukum Islam. Pada masa ini bangsa-bangsa di dunia telah mengakui bahawa salah satu di antara hak asasi manusia yang harus mendapat perlindungan ialah hak kemerdekaan beragama. Berabad-abad lebih dahulu daripada itu agama Islam telah mengakui dan menjamin hak kemerdekaan beragama tersebut”. Kata al-Ustadh Muhammad Arshad Talib Lubis, Medan, ketika menolak tuduhan golongan yang jahil yang mengatakan : kalau umat Islam berkuasa maka sekalian rakyat akan dipaksa memeluk agama Islam.

Dalam saat banggunya umat Islam ini, dalam saat orang Islam sedang memperjuangkan terlaksananya ajaran dan hukum Islam di dalam kehidupan orang seorang, masyarakat dan negara, perlu sekali soal ini dikupas dengan mendalam, dengan keterangan yang lengkap, sehingga tiap-tiap orang dapat melihat kedudukan soal ini yang sebenar-benarnya – kata beliau lagi.

Di bawah ini kita sajikan kupasannya itu dengan lengkap – pengarang Qalam.

(oleh : al-Ustadh Muhammad Arshad Talib Lubis)

-1-

### Iman Tidak Dapat Dipaksakan

Iman itu ialah pokok pengajaran yang pertama-tama menjadi tuntutan agama Islam. Beriman ialah mempercayai keesaan Tuhan dan kerasulan Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* serta segala pengajarannya. Amal seseorang belum dapat dipandang sah kalau ia belum beriman. Ibadat pengorbanan dan apa sahaja yang diamalkannya tidak akan mempunyai nilai dan harga di hadapan Tuhan kalau ia belum beriman. Jika ditinjau dari sudut iman, terbahagilah manusia dalam tiga golongan :

1. Mukmin. Ertinya: Orang yang percaya. Iaitu orang yang mempercayai dan meyakini di dalam hatinya keesaan Tuhan dan kerasulan Nabī Muḥammad serta segala pengajarannya.
2. Kafir. Ertinya: Orang yang inkar (ingkar). Orang yang tidak mempercayai keesaan dan kerasulan Nabī Muḥammad serta segala pengajarannya.
3. Munafik. Maksudnya: Orang yang pura-pura. Orang yang pada zahirnya kelihatan sebagai mukmin kerana mengakui dengan lidahnya keesaan Tuhan dan kerasulan Nabī Muḥammad dan pada waktu-waktu yang mesti kelihatan pula mengerjakan

perintah-perintah agama, sedang sebenar-benarnya pada batinnya ia tidak beriman sekali-kali.

Agama Islam menuntut manusia supaya menjadi orang yang mukmin, jangan sekali-kali menjadi orang yang kafir atau munafik. Setelah iman yang benar tertanam di dalam hatinya baharulah ia dikatakan mukmin. Isi hatinya yang menjadi perhatian yang terutama bagi Tuhan, bukan ucapan dan perbuatan anggota manusia yang zahir semata-mata.

Tentang ini, Nabī Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam*, bersabda :

*“Inna Allāha lā yanẓuru ‘ilā ājsāmikum wa lā ilā ṣuarikum, wa lākinna ilā qulūbikum wa niyyātikum.”*

Ertinya: “Sesungguhnya tidaklah Allah memandang kepada tubuh dan rupa kamu, melainkan Ia memandang kepada hati dan niat kamu.” (riwayat Muslim).

Iman yang benar tidak akan dapat diwujudkan dengan paksaan, kerana iman itu ialah kepercayaan di dalam hati yang terbit kerana percaya dan yakin dengan sebenar-benarnya orang yang mengaku beriman dengan lidahnya sedang hatinya tidak percaya dan yakin, bukan bernama mukmin, melainkan munafik. Iman yang benar itu hanya dapat tumbuh di dalam hati jika orang telah percaya dengan berdasarkan bukti dan dalil.

Agama Islam tidak mengizinkan melakukan paksaan beragama, kerana paksaan itu hanya dapat menjadikan orang menjadi munafik, bukan menjadi mukmin. Memaksa orang beriman sama ertinya dengan memaksa orang supaya berbohong dan menyuruh mengemukakan pengakuan yang tidak benar. Satu perbuatan yang hanya akan memperbanyak

musuh di dalam selimut. Oleh kerana Islam hanya menghendaki orang yang sebenar-benarnya mukmin bukan yang munafik, maka tidaklah ia mengizinkan melakukan paksaan dalam beriman dan beragama. Dengan melakukan paksaan itu tidaklah akan dapat menghasilkan maksudnya.

-2-

### **Alat Islam Menanamkan Iman**

Agama Islam telah menentukan jalan-jalan yang akan ditempuh atau alat-alat yang akan dipergunakan untuk mengajak orang supaya beriman dan menurut jalan yang diperintahkan Tuhan. Jalan atau alat itu telah diterangkan dalam surah al-Naḥl, ayat 125 :

*“Ud’u ‘ilā sabīli rabbika bi al-ḥikmati wa al-mau‘izati al-ḥasanah wa jādilhum bi allatī hiya aḥsan.”*

Ertinya: “Ajaklah orang kepada jalan Tuhanmu dengan bijaksana dan pengajaran yang baik dan bertukar fikiranlah dengan mereka dengan sebaik-baiknya.”

Dalam ayat ini Tuhan memerintahkan mengajak orang kepada jalannya dengan menempuh tiga jalan atau mempergunakan tiga alat yang berikut :

1. Dengan hikmah.  
Hikmah ialah ilmu pengetahuan yang mendalam tentang hakikat sesuatu dan tentang faedah dan manfaat yang terkandung di dalamnya yang akan menggerakkan kepada amal. Misalnya ilmu jiwa, ilmu akhlak dan ilmu rahsia alam. (Tafsir al-Manār).
2. Dengan pengajaran (nasihat yang baik).
3. Dengan pertukaran fikiran yang dilakukan dengan cara yang sebaik-baiknya.

Dengan memerhatikan ketiga-tiga jalan atau alat tersebut, nampaklah bahawa agama Islam memang benar-benar menghendaki orang yang jujur dalam imannya. Orang yang tertarik menjadi mukmin kerana hikmah yang dikemukakan kepadanya atau tertarik kerana telah mendengar pengajaran dan nasihat yang baik atau pun tertarik kerana telah melakukan pertukaran fikiran terlebih dahulu, adalah iman orang yang demikian itu iman yang benar-benar jujur, kerana terbit dari dalam hati dengan sukarela semata-mata sesudah mendengar keterangan dan dalilnya. Iman yang demikian tidak akan dapat diwujudkan jika dilakukan dengan paksaan. Maka sebab itulah agama Islam tidak melakukan paksaan dalam perkara iman.

Tentang ini, Tuhan *'azza wa jalla* berfirman dalam surah Yūnus, ayat 99:

*"Wa lau syā'a rabbuka li'āmana man fi al-arḍi kulluhum jamī'an afa'anta tukrihu al-nāsa ḥattā yakūnū mu'minīn."*

Ertinya : "Dan jika Tuhanmu menghendakinya nescaya beriman orang-orang yang di bumi ini semuanya.

Adakah engkau hendak paksa orang supaya beriman?"

Firman-Nya lagi dalam surah al-Syūrā, ayat 48 :

*"inna 'alaika illā al-balāgh."*

Ertinya : "Tidak ada kewajibanmu (wahai Muḥammad) melainkan menyampaikan. Tidaklah engkau menjadi pemaksa bagi mereka."

Di dalam surah al-Ghāshiah, ayat 21-22, dijelaskan lagi firman-Nya :

*"Fadhakkir innamā 'anta mudhakkir: Lasta 'alahim bimusaītir."*

Ertinya: "Maka berilah peringatan kerana sesungguhnya engkau hanya pemberi ingat. Bukanlah engkau menjadi pemaksa bagi mereka."

### Tidak Ada Paksaan Dalam Agama

Sebagaimana agama Islam tidak mengizinkan melakukan paksaan dalam beriman, demikian juga tidak mengizinkan melakukan paksaan dalam beragama. Hal ini diterangkan oleh Allah *'azza wa jalla* di dalam surah al-Baqarah ayat 256 :

*"Lā ikrāha fi al-dīn. Qad tabayyan al-rushdu min al-ghayy."*

Ertinya: "Tidak ada paksaan dalam agama, sesungguhnya telah nyata kebenaran daripada kesesatan."

Menurut keterangan Ibn Jarir (al-Ṭabarī) dari Ibn 'Abbās, sebab turunnya ayat tersebut kerana seseorang lelaki bernama al-Huṣain dari golongan al-Anṣār mempunyai dua orang anak lelaki yang beragama Nasrani dan ia sendiri beragama Islam. Maka bertanyalah ia kepada Nabī

Siapakah di antara sahabat Ansar yang utama?

Jawabnya ialah

Sa'ād ibn Mu'ādh

Bangsawan kabilah Aus yang utama yang banyak jasanya kepada Islam: Perjuangannya, hidupnya dan matinya semata-mata kerana Allah.

"Kematian Sa'ād ibn Mu'ādh adalah satu kehilangan yang sangat besar bagi kaum muslimin" – kata Umm al-Mu'minīn 'Ā'ishah.

Perjuangannya? Baca sejarahnya dalam buku ini.

Sejarah syuhada Islam 5.

Senaskhah hanya 50 sen post

10 sen.

Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wasallam*: “Bolehkah saya memaksa keduanya kerana mereka tidak mahu melainkan tetap memeluk agama Nasrani?” Turunlah ayat yang tersebut menyatakan tidak ada paksaan dalam beragama.

Di dalam surah al-Kahfī, ayat 29, Tuhan menjelaskan lagi, firman-Nya:

*Wa quli al-haqqu min rabbikum. Fa man shā’a falyu’min wa man shā’a falyakfur. Innā ‘a’tadnā liẓẓālimīna nārā*

Ertinya: “Dan katakanlah kebenaran itu ialah yang datang daripada Tuhanmu, siapa yang mahu, berimanlah, dan siapa yang mahu, kafirlah. Sesungguhnya bagi orang-orang yang zalim itu telah Kami sediakan neraka.”

-4-

#### **Larangan Menghamun Benda-Benda Yang Disembah**

##### **Yang Lain Daripada Allah**

Agama Islam tidak mengizinkan menyembah yang lain daripada Allah. Jika kedapatan juga yang demikian, maka Tuhan telah melarang umat Islam memaki dan menghamunnya. Hal ini dijelaskan di dalam surah al-An‘ām ayat 108:

*“Wa lā tasubbū alladhīna yad’ūna min dūni Allāh fayasubbū Allāh ‘aduwwan bighayri ‘ilm”*

Ertinya: “Dan janganlah kamu memaki hamun akan sesuatu yang diseru mereka, yang lain daripada Allah, nanti mereka memaki Allah dengan melampaui batas, dengan tidak berpengetahuan.”

Jelasnya, agama Islam bukan hanya melarang orang melakukan paksa dalam beragama, tetapi memaki dan menghamun benda-benda yang disembah oleh kaum itu pun tidak dibenarkan.

5-

#### **Kedudukan Orang Yang Bukan Islam**

##### **Menurut Hukum Islam**

Kedudukan orang-orang yang tidak beragama Islam dan hak-haknya menurut hukum Islam telah diterangkan di dalam kitab-kitab Fiqh. Dapat diketahui dari keterangan-keterangan itu bahawa dalam agama Islam dan peraturan yang dijelankannya jaminan kemerdekaan beragama telah dilaksanakan dengan sebenar-benarnya. Paksa-memaksa dalam beragama tidak terdapat sama sekali. Kedudukan orang-orang yang tidak beragama Islam telah dibahagi di dalam kitab-kitab Fiqh kepada empat golongan :

Pertama: Zimmi. Ertinya: Orang yang dijamin dan ditanggung keselamatannya. Iaitu orang-orang yang tidak beragama Islam, baik Yahudi, mahu pun Kristian dan sebagainya yang tinggal menjadi penduduk di dalam daerah yang dikuasai pemerintah Islam.

Mereka wajib membayar jizyah kecuali perempuan, kanak-kanak, orang gila dan yang tidak mempunyai kesanggupan. Jizyah ialah yuran negara yang dipungut untuk kepentingan umum, misalnya untuk pertahanan dan penjaga keamanan. Jizyah diwajibkan hanya bagi orang-orang zimmi, tidak bagi orang-orang yang beragama Islam, kerana bagi mereka (orang-orang Islam) telah diwajibkan membayar zakat. Misalnya mereka membayar zakat emas dan perak, zakat ternak, zakat buah-buahan, zakat perniagaan, zakat padi dan sebagainya.

Pemerintah Islam wajib melindungi keselamatan jiwa, harta, kehormatan dan anak isteri orang zimmi. Mereka berhak mendapat keadilan hukum sebagaimana orang-orang yang beragama Islam. Mereka berhak mendapat kebebasan berusaha mencari penghidupan.

Tentang soal agama, mereka berhak memeluk agamanya dan bebas mengamalkannya. Segala sesuatu yang termasuk dalam perkara agama boleh dikerjakannya. Sekiranya agamanya membenarkan meminum arak, tuak, dan lain-lain yang haram menurut hukum Islam, maka yang demikian boleh diminumnya. Sekiranya menurut peraturan agamanya mustahak mempunyai pengadilan yang tersendiri untuk memutuskan perkara-perkara yang berhubung dengan agama, maka yang demikian boleh diadakan. Demikianlah kebebasan beragama yang diberikan kepada orang-orang zimmi.

Dalam soal-soal yang tidak berhubung dengan agama, mereka mesti tunduk bersama-sama dengan kaum muslimin kepada undang-undang dan peraturan umum yang dijalankan oleh negara.

Tentang ini, Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa ṣallam* bersabda :

*“Man ādhā dhimmīyan fa ‘innā khaṣmuhu wa man kuntu khaṣmuhu khaṣamtuhu yawma al-qiyāmah.”*

Ertinya: “Barangsiapa menyakiti zimmi maka saya menjadi lawannya, dan barangsiapa saya menjadi lawannya, pasti akan saya kalahkan dia pada hari kiamat.” (riwayat al-Khaṭīb).

Kedua: Mu‘āhid. Ertinya: Orang yang telah mengikat perjanjian. Iaitu penduduk suatu daerah atau pemerintahan yang tidak beragama Islam dan telah mengikat perjanjian damai dengan pemerintahan Islam. Pemerintah Islam tersebut dan rakyatnya wajib memelihara dan menghormati perjanjian yang telah diikat itu.

Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa ṣallam* bersabda lagi:

*“Man qatala mu ‘āhidan lam yariḥ rā’ḥata al-jannati wa inna riḥuhā li yūjad min musayyarat arba ‘īna ‘āman.”*

Ertinya: “Barangsiapa membunuh orang yang mu‘āhid maka ia tidak akan mencium bau syurga dan sesungguhnya bau syurga itu tercium dari jarak perjalanan empat puluh tahun.” (Riwayat Aḥmad, al-Bukhārī, al-Nasā’ī dan Ibn Mājah).

Ketiga: Mu‘amman. Ertinya: Orang yang diamankan (yang dijaga keselamatannya – pengarang). Iaitu orang yang tidak beragama Islam, yang tidak termasuk ke dalam golongan zimmi dan mu‘āhid. Mereka masuk ke dalam daerah yang dikuasai pemerintah Islam dengan izin orang yang beragama Islam kerana hendak berniaga, menuntut ilmu dan sebagainya. Selama mereka tinggal dalam daerah itu menurut perjanjian-perjanjian yang telah diperbuat, terjamin keamanan (keselamatan – pengarang.) diri dan hartanya dan bebas menjalankan agamanya.

Keempat: Harbi. Ertinya: Orang yang boleh diperangi iaitu orang yang tidak beragama Islam yang boleh diperangi dan tidak termasuk dalam salah satu dari tiga golongan yang tersebut di atas. Kalau golongan ini menyerang kaum muslimin, berlakulah hukum perang dalam Islam terhadap mereka. Mereka akan diperangi dengan semangat jihad sampai tertawan. Peperangan itu mestilah diberhentikan kalau mereka memeluk agama Islam sebelum dapat ditawan dan tidak akan dipaksa memeluk agama Islam jika mereka tertawan. Terhadap mereka hanya dilakukan hukum tawanan yang berlaku di dalam Islam sebagaimana yang akan diterangkan.

### Hukum Tawanan dalam Islam

Musuh yang telah dewasa yang tertawan dalam perang, jika lelaki akan dikenakan salah satu daripada tiga perkara yang berikut :

1. Dibebaskan kembali dengan percuma.
2. Dibebaskan dengan tebusan harta atau pertukaran tawanan.
3. Dijadikan tawanan sampai dibebaskan.

Pemerintah berhak menentukan yang mana harus dijalankan di antara tiga perkara yang tersebut. Pemerintah boleh membebaskan sebahagian dengan percuma dan sebahagian lagi dengan tebusan. Dan pemerintah boleh menjatuhkan hukuman mati kalau menurut pertimbangannya patut dijalankan yang demikian. Misalnya kerana besarnya kesalahan yang telah dilakukan oleh sebahagian tawanan itu.

Yang demikian itu pernah dijalankan pada zaman Nabī Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wasallam* terhadap tawanan Perang Badar. Ada dua orang yang dihukum mati kerana besar kesalahannya. Ada yang dibebaskan dengan percuma dengan tidak menyinggung-nyinggung soal agamanya. Dan ada pula yang dibebaskan dengan membayar tebusan. Orang-orang miskin yang tidak sanggup membayar tebusan, yang pandai menulis dan membaca, dibebaskan setelah dapat mengajar “menulis dan membaca” kepada sepuluh orang anak-anak kaum muslimin. Mereka dibebaskan dengan tidak menukar agamanya.

Nampaklah dalam berbagai segi pengajaran agama Islam yang mengatakan tidak ada paksaan dalam agama, bukan hanya tinggal dalam ucapan, tetapi sampai pelaksanaannya telah

dibuktikannya. Kalaulah agama Islam membolehkan melakukan paksaan dalam beragama, tidaklah akan terdapat kesempatan yang lebih baik untuk melakukan paksaan selain daripada orang-orang tawanan. Mereka sebagai tawanan tidak mempunyai daya upaya untuk melawan atau menyingkirkan diri tetapi ternyata sampai kepada kejadian yang demikian agama Islam sentiasa menjunjung tinggi hak asasi tentang kebebasan beragama itu.

-bersambung.

#### Daftar Buku-buku Qalam

Dalam “Daftar Buku-buku Qalam” yang baharu diterbitkan kerana merayakan “Minggu Bahasa Kebangsaan” dan dipamerkan dalam pesta buku-buku yang telah diadakan di Kuala Lumpur, ada berlaku sedikit ralat tentang pengenalan buku “Saydina Ḥusayn di Padang Karbala”.

Kata-kata pengenalan itu berbunyi demikian:

“Saydina Ḥusayn telah gugur syahid seorang khalifah yang fasik dan tidak layak ditaati.”

Yang betulnya ialah seperti berikut:

**“Saydina Ḥusayn raḍiya Allāhu ‘anhu telah gugur syahid dalam perjuangan menentang Yazid yang dipandangnya seorang khalifah yang fasik dan tidak layak ditaati.”**

Harap dibetulkan.